

# Malaysia kutuk tindakan Russia

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya tindakan menembak jatuh sebuah jet jumbo Syarikat Penerbangan Korea (KAL) oleh jet pejuang MIG Russia menyebabkan 269 orang penumpang terkorban.

Timbalan Menteri Luar, Encik Abdul Kadir Sheikh Fadzir dalam kenyataan kerasnya menegaskan, tindakan itu adalah satu tindakan ganas dan sombong yang tidak boleh dimaafkan.

Jika laporan ini betul, tambah beliau, Malaysia menyertai masyarakat antarabangsa mengutuk sekeras-kerasnya tindakan ganas dan sombong ini yang tidak mempedulikan nyawa manusia, ama-

lan antarabangsa dan perikemanusiaan.

"Malaysia menggesa mereka yang terabit memberi penjelasan mengenai perbuatan terkutuk ini kepada masyarakat antarabangsa dan mengambil setiap langkah untuk menolong saudara-mara dan sahabat-handai penumpang dalam kapal terbang itu," ujar beliau.

## Mangsa

Encik Kadir juga menegaskan bahawa Wisma Putra memandang berat terhadap laporan yang menyebut bahawa sekurang-kurangnya seorang rakyat Malaysia ada dalam penerbangan KAL 007 dari New York ke Seoul melalui

Achorage, Alaska.

Katanya, Wisma Putra sedang menghubungi Kedutaan Malaysia di Seoul bagi mengenali mangsa itu.

Kejadian yang paling buruk dalam sejarah penerbangan itu disahkan oleh Menteri Penerangan dan Kebudayaan Korea, Encik Lee Jin-Hie dan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Encik George Shultz.

Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Datuk Najib Tun Abdul Razak, turut mengutuk tindakan kejam dan ganas Russia itu.

Katanya, tindakan Russia itu adalah paling keji dan kejam kerana bertindak terhadap jet jumbo yang tidak bersenjata.